



Alai Ginis!



ISU 03/2025



Terbitan

Seksyen Penerbitan dan Seni Reka
Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik
Jabatan Penerangan

Cetakan Pertama 2025

Hak Cipta

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Penasihat

Siti Bismi Nuruliman Haji Awang Emzah
Haji Fathi Foad bin DSS Haji Abu Bakar

Penyelaras

Mufidah Abdul Hakim
Saadiatul Nur Aqilah Haji Jaman
Nor Hanizah Haji Abd Halim

Penyunting

Nor Hanizah Haji Abd Halim

Penyemak

Nurul Hazwani Abu Omar

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor
Muhammad Abdul Malek Ridwan Haji A.Hamid

Foto

Unit Fotografi
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat 1

Sambutan Hari Guru di Negara Brunei Darussalam

Muka Surat 4

Ruangan Kecil-Kecil Cili Padi
Mari Mewarna

Muka Surat 5

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Muka Surat 8

Ruangan Kecil-Kecil Cili Padi
Permainan Snakes and Ladders

Muka Surat 9

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

Muka Surat 12

Ruangan Kecil-Kecil Cili Padi
Bina Perkataan

Muka Surat 13

Ruangan Kecil-Kecil Cili Padi
Soal Jawab

KENALI BAHASA BRUNEI

Patungut:

Sisa kayu api atau rokok yang sebahagiannya sudah terbakar.

Contoh ayat: "Buang tah saja **patungut** itu, kan ditunu lagi basah lakat bagas kaujanan."

Bapaung:

Berbenjol yang biasanya pada bahagian muka akibat terkena tumbukan dan sebagainya.

Contoh ayat: "Nah **bapaung** muanya takana bula, macam kana tumbuk pulang usulnya."

Bapayang:

Dikoyak-koyak tentang buku dan lain-lain.

Contoh ayat:

"Baampaian bukunya barang lantai, abis **bapayang** ulih adinya."

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sambutan Hari Guru di Negara Brunei Darussalam

Oleh: Zawayatun Ni'mah Mohamad Akir

Sambutan Hari Guru disambut setiap 23 September sebagai memperingati hari kelahiran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Brunei ke-28.



Tujuan

Sebagai pengiktirafan kepada guru atas jasa dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Peranan Guru dalam Masyarakat

Guru menyampaikan ilmu dan memainkan peranan penting sebagai pewaris ilmu dalam Islam. Mereka memikul amanah besar untuk mendidik pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran. Guru yang beriltizam sanggup menghadapi cabaran dan berkorban demi kejayaan anak didik mereka.




Menghargai Jasa Guru

Di Negara Brunei Darussalam, Anugerah Guru Cemerlang diberikan sebagai penghargaan kepada guru berkualiti tinggi. Guru diiktiraf sebagai insan mulia atas sumbangan mereka dalam mendidik dan memajukan pendidikan.

Kejayaan kita sekarang ini bertitik tolak daripada kecekalan dan kesabaran para guru yang mendidik kita walaupun berdepan pelbagai kerenah pelajar. Jasa mereka wajar dikenang sepanjang hayat. Tanpa guru, siapalah kita.

HARI GURU



Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Oleh: Zawayatun Ni'mah Mohamad Akir

Dikenali sebagai Jambatan Temburong, jambatan ini merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara iaitu 26.3 kilometer panjang merentasi Teluk Brunei.

Perasmian

17 Mac 2020

Jambatan ini dirasmikan sebagai penghubung utama antara Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara.





14 Julai 2020

Penamaan jambatan ini diberikan sewaktu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-74.

Jambatan ini dinamakan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai penghormatan kepada ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 yang dikenali sebagai Arkitek Brunei Moden.

Fungsi & Manfaat

- Memudahkan pergerakan antara daerah.
- Mengeratkan hubungan ukhuwah dalam kalangan penduduk.
- Menjana dan merangsang pertumbuhan sosioekonomi negara.
- Meningkatkan potensi dalam sektor pelancongan.

Reka Bentuk Ikonik

Gaya kebruneian dengan elemen keislaman:

- Bulan sabit dan bintang
- Kubah masjid di atas jambatan
- Papan tanda tiga Kalimah - Allahuakhbar, Subhanallah, Alhamdulillah

Bentuk segi tiga seperti permata:

- Ibarat dua tangan berpegang kuat melambangkan kekukuhan Negara Brunei Darussalam
- Struktur kubah - Menunjukkan empat daerah di Negara Brunei Darussalam yang bersatu

Dengan terbinanya jambatan penghubung ini, ia mencerminkan pencapaian infrastruktur perhubungan yang bernilai tinggi serta meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa.



RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI

Permainan Snakes and Ladders



Maulud Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam



Oleh: Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

12 Rabiulawal merupakan hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Di Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk yang beragama Islam menyambut hari yang penuh keberkatan ini setiap tahun, yang dikenali sebagai Sambutan Maulud Nabi.

Maulud Nabi adalah salah satu daripada hari-hari kebesaran Islam yang disambut dengan penuh takzim di keempat-empat daerah di negara ini. Antara pengisian sambutannya termasuk Majlis Dikir Syarafil Anam yang diadakan selama 12 malam berturut-turut di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara; majlis ceramah agama, forum keagamaan, dan yang paling dinanti-nantikan ialah Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara.



Seperti kebiasaan, acara kemuncak sambutan ini diserikan dengan perarakan besar-besaran yang disertai oleh umat Islam dari pelbagai lapisan masyarakat. Sepanjang perarakan, para peserta akan melaungkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai tanda kecintaan, penghormatan, dan harapan untuk memperoleh syafaat Baginda pada hari kiamat kelak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan sebaik-baik contoh teladan bagi umat manusia. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Ahzaab, ayat 21:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) pada hari akhirat, serta ia pula banyak menyebut dan mengingat Allah (dalam apa jua keadaan)."



RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI

Bina Perkataan

1	M		H		M		A		
2	R		B		U		A		A
3	I		L		M				
4	M		S		I				
5	P		R		R		K		N
6	M		U		U	D			

JAWAPAN
1. Muhammad 2. Rabiulawal 3. Islam 4. Masjid 5. Perakaran 6. Maulud

RUANGAN KECIL-KECIL CILI PADI

Soal Jawab

Sila adik-adik pilih jawapan yang betul.

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah	Kampung Ayer	Taman Negara Ulu Temburong
Lamin Warisan	Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin	Masjid RPN Kampung Pandan

- Jambatan terpanjang di Asia Tenggara iaitu 26.3 kilometer panjang.
_____.
- Masjid ini dinamakan sempena Sultan Brunei ke-29.
_____.
- Muzium ini terletak di Kampung Tanjong Maya yang dibina pada tahun 1956.
_____.
- Masjid yang terdapat di Daerah Belait.
_____.
- Jambatan gantung terdapat di tempat ini.
_____.
- Perkampungan air yang kaya dengan warisan budaya.
_____.

Jawapan:
1. Jambatan Sultan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin 2. Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah 3. Lamin Warisan 4. Masjid RPN Kampung Pandan 5. Taman Negara Ulu Temburong 6. Kampung Ayer

